



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 64**

**13hb Ogos 2020**

**No. 17**

---

---

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
(Act 171)

**No. 345.**

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH  
MALACCA HISTORIC CITY COUNCIL

AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018  
ACCOUNT FOR THE FINANCIAL YEAR 2018

Akaun yang telah diaudit bagi tahun kewangan 2018, bersama-sama dengan pandangan juruaudit, adalah disiarkan menurut subseksyen 60(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

This audited account for the financial year 2018, together with the auditor's observation, is published pursuant to subsection 60(4) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*].

Bertarikh 16 November 2019

Dated 16 November 2019

[MBMBJPU. 100-1/3/6; PUNM. 700-02/6 Jilid 15]

DATUK ZAINAL BIN HAJI ABU  
*Datuk Bandar*  
*Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah/*  
*Mayor*  
*Malacca Historic City Council*

## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Laporan mengenai Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dengan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya seperti berikut:

- (i) Majlis tidak membuat sebarang peruntukan rosotnilai terhadap bayaran kemajuan berjumlah RM18,237,325 bagi projek pembinaan bangunan MBMB di Klebang, Melaka kerana terdapat bukti kukuh yang menunjukkan projek tersebut telah digantung kerja-kerja pembinaan di samping tiada keputusan jelas yang dapat menunjukkan projek tersebut akan diteruskan dalam tempoh tertentu.
- (ii) Majlis tidak membuat peruntukan hutang ragu bagi akaun Akaun Belum Terima Caj Penyelenggaraan Gerai/Pasar/Lot berjumlah RM1,582,397 berikutan ketiadaan polisi peruntukan hutang ragu terhadap akaun tersebut.
- (iii) Majlis mengelaskan akaun Tabung Pinjaman MBMB yang berjumlah RM1,401,822 di bawah kategori ekuiti. Perkara ini bercanggah dengan *nature* akaun terbabit di mana ia adalah untuk pinjaman yang diberikan kepada kakitangan MBMB. Selain itu, pengesahan terhadap amaun perbezaan antara baki akaun Pinjaman MBMB dengan baki akaun Affin Bank berjumlah RM932,444 tidak dapat dibuat berikutan ketiadaan dokumen sokongan.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti

audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah memberi gambaran yang saksama.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

#### Hal-hal lain

Laporan ini disediakan untuk Ahli Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

PENYATAAN OLEH AHLI MAJLIS-AHLI MAJLIS  
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

Kami, Mohd Yani bin Ismail, KP. 670131-05-5443 dan Haji Samat bin Ahmad, KP. 550628-04-5025 yang merupakan dua daripada Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dengan Sebenar berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi pandangan yang benar dan saksama ke atas hal-ehwal Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah pada 31 Disember 2018.

Bagi Pihak Ahli Majlis-Ahli Majlis,

MOHD YANI BIN ISMAIL  
(KP. 670131-05-5443)  
*Ahli Majlis*  
*Majlis Bandaraya Melaka*  
*Bersejarah*

HAJI SAMAT BIN AHMAD  
(KP. 550628-04-5025)  
*Ahli Majlis*  
*Majlis Bandaraya Melaka*  
*Bersejarah*

Bertarikh 26 April 2019

Bertarikh 26 April 2019

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS  
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

Saya, Datuk Haji Mansor bin Sudin adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dengan Sebenar, berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut peruntukan undang-undang Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 13*] dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

Ditandatangani dan diakui  
oleh penama yang tersebut  
di atas di Melaka, di Negeri Melaka  
Pada 26 April 2019

DATUK HAJI MANSOR BIN SUDIN  
(KP. 600910-71-5005)

Di hadapan saya:

CHAN CHIEW YEN  
*No. M075*  
*Pesuruhjaya Sumpah*  
*Malaysia*

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH  
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	2018 (RM)	2017 (RM)
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>		
Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 5)	394,320,811	395,310,726
Hartanah Pelaburan (Nota 5)	70,248,764	68,913,053
Pelaburan lain (Nota 6)	6,350,165	5,935,685
Bayaran Kemajuan (Nota 7)	30,092,614	20,413,219
	<u>501,012,354</u>	<u>490,572,683</u>
<b>ASET SEMASA</b>		
Tunai dan Kesetaraan Tunai (Nota 8)	81,720,966	59,134,127
Pinjaman Kakitangan MBMB (Nota 9)	968,537	890,976
Penghutang daripada urusan niaga bukan pertukaran (Nota 10)	47,550,017	52,339,110
Penghutang daripada urusan niaga pertukaran (Nota 11)	8,263,263	7,924,607
Pelbagai akaun belum terima (Nota 12)	56,236,270	81,191,384
	<u>194,739,053</u>	<u>201,480,204</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>		
Pemiutang (Nota 13)	33,992,288	31,898,267
Pinjaman (Nota 14)	4,786,004	16,846,457
	<u>38,778,292</u>	<u>48,744,724</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Pemiutang (Nota 13)	64,448,592	71,397,853
Cagaran (Nota 15)	54,712,258	52,074,487
Pinjaman (Nota 14)	4,111,170	5,494,251
	<u>123,272,020</u>	<u>128,966,591</u>
<b>ASET BERSIH</b>	<u>533,701,095</u>	<u>514,341,572</u>
<b>ASET BERSIH/EKUITI</b>		
Kumpulan Wang Majlis	230,064,032	211,159,909
Rizab Penilaian Semula Harta	302,235,241	302,235,241
Tabung Pinjaman MBMB	1,401,822	946,422
	<u>533,701,095</u>	<u>514,341,572</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi Penyata Kedudukan Kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018 (RM)	2017 (RM)
<b>HASIL</b>		
Urusniaga bukan pertukaran (Nota 16)	178,658,526	182,340,841
Urusniaga pertukaran (Nota 17)	18,533,017	17,413,072
	<u>197,191,543</u>	<u>199,753,913</u>

	2018 (RM)	2017 (RM)
BELANJA		
Emolumen (Nota 18)	54,441,648	51,555,950
Bekalan dan Perkhidmatan (Nota 19)	80,740,968	80,210,735
Pemberian dan Kenaan Tetap (Nota 20)	4,379,644	5,316,216
Perbelanjaan Lain (Nota 21)	19,015,886	16,294,767
Belanja Pembangunan (Nota 22)	9,935,889	21,728,660
	<u>168,514,035</u>	<u>175,106,328</u>
LEBIHAN/(KURANGAN) BERSIH	<u>28,677,508</u>	<u>24,647,585</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi Penyata Prestasi Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Kumpulan Wang Majlis (RM)	Rizab Penilaian Semula (RM)	Tabung Pinjaman MBMB (RM)	Jumlah Aset Bersih/ Ekuiti (RM)
Baki pada 1 Januari 2017	174,850,618	302,235,241	946,422	478,032,281
Tambah/(Kurang) Pelarasan Tahunan	11,661,706	—	—	11,661,706
Lebihan/(Kurangan)	<u>24,647,585</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>24,647,585</u>
Baki pada 31 Disember 2017	<u>211,159,909</u>	<u>302,235,241</u>	<u>946,422</u>	<u>514,341,572</u>
Tambah/(Kurang) Pelarasan Tahunan	(9,773,385)	—	455,400	(9,317,985)
Lebihan/(Kurangan)	<u>28,864,747</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>28,864,747</u>
Baki seperti pada 31 Disember 2018	<u>230,251,271</u>	<u>302,235,241</u>	<u>1,401,822</u>	<u>533,888,334</u>

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018 (RM)	2017 (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Lebihan/(Kurangan)	28,677,508	24,647,585
Pelarasan:		
Susutnilai Harta Tetap	10,217,865	9,999,265
Pelarasan Awal Tahun	(9,773,385)	11,661,706
Pelarasan Nilai Bersih Harta Tetap	<u>(353,869)</u>	<u>33,202,853</u>
Lebihan Pendapatan dari Perbelanjaan Sebelum Pertukaran Modal Kerja	<u>28,768,119</u>	<u>79,511,409</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

676

[13hb Ogos 2020

	2018 (RM)	2017 (RM)
(Pertambahan)/Pengurangan:		
Pinjaman Kakitangan MBMB	(77,561)	(23,756)
Akaun Belum Terima	29,405,551	(25,135,601)
Bayaran Kemajuan	(9,679,395)	12,740,899
Pertambahan/(Pengurangan):		
Akaun Belum Bayar	(4,855,240)	39,729,675
Cagaran	2,637,771	1,975,584
Pinjaman Jangka Pendek	(1,383,081)	138,172
Aliran Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi	<u>44,816,163</u>	<u>108,936,380</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(10,209,791)	(78,359,039)
Pelaburan Saham	(414,480)	(631,688)
Aliran Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	<u>(10,624,271)</u>	<u>(78,990,727)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Pinjaman Jangka Panjang	(12,060,453)	(5,366,820)
Tabung Pinjaman MBMB	455,400	—
Aliran Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	<u>(11,605,053)</u>	<u>(5,366,820)</u>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>		
Peningkatan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	22,586,839	24,578,833
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tempoh	<u>59,134,127</u>	<u>34,555,294</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tempoh	<u>81,720,966</u>	<u>59,134,127</u>
<b>PECAHAN TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>		
Tunai Di Tangan dan Baki Di Bank	17,720,966	30,134,127
Simpanan Tetap	<u>64,000,000</u>	<u>29,000,000</u>
	<u>81,720,966</u>	<u>59,134,127</u>

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DENGAN SEBENAR BAGI  
TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Keterangan	JUMLAH BAJET		Jumlah Sebenar (RM)	^ Varian Bajet (RM)
	Asal (RM)	Akhir (RM)		
<b>HASIL</b>				
Urusniaga bukan pertukaran	160,863,360	167,963,360	178,658,526	(10,695,166)
Urusniaga pertukaran	<u>26,443,830</u>	<u>34,143,830</u>	<u>18,533,017</u>	<u>15,610,813</u>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<u>187,307,190</u>	<u>202,107,190</u>	<u>197,191,543</u>	<u>4,915,647</u>



Keterangan	JUMLAH BAJET		Jumlah Sebenar (RM)	^ Varian Bajet (RM)
	Asal (RM)	Akhir (RM)		
BELANJA				
Emolumen	50,637,820	50,640,150	54,441,648	(3,801,498)
Perkhidmatan dan bekalan	86,896,470	91,764,040	80,740,968	11,023,072
Pemilikan harta modal	27,490,710	38,422,935	4,379,644	34,043,291
Pemberian dan kenaikan tetap	13,530,010	13,398,910	19,015,886	(5,616,976)
Perbelanjaan lain-lain	8,702,180	7,831,155	9,935,889	(2,104,734)
JUMLAH BELANJA	187,257,190	202,057,190	168,514,035	33,543,155
(KURANGAN)/LEBIHAN	50,000	50,000	28,677,508	(28,627,508)

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

- 1.1 Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah adalah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]
- 1.2 Pejabat Utama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah terletak di kawasan pentadbiran Bandaraya Melaka dengan alamat berdaftar:
 

Graha Makmur, No. 1,  
Jalan Tun Abdul Razak-Ayer Keroh  
Hang Tuah Jaya  
75450 Melaka
- 1.3 Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan antara kegiatan-kegiatan utama Majlis adalah seperti berikut:
  - (a) Perkhidmatan Perbandaran dan Kebersihan
  - (b) Penyelenggaraan Kemudahan Awam
  - (c) Kawalan Pembangunan
  - (d) Kawalan Perniagaan

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan

Penyata Kewangan ini disediakan mengikut asas perakaunan akruan dan mematuhi Piawai Perakaunan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Penyata Kewangan disediakan atas dasar usaha berterusan dan dasar perakaunan telah digunakan secara tekal sepanjang tempoh itu.

Penyata Kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan yang disediakan menggunakan MPSAS. Majlis telah menggunakan MPSAS ini lebih awal daripada tarikh kuatkuasanya.

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan melainkan dinyatakan selainnya.

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

### 3. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA

#### 3.1 Instrumen Kewangan

##### (a) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis telah menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

Majlis menentukan klasifikasi aset kewangan mereka pada pengiktirafan awal, dan kategori-kategori tersebut termasuk aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman, penghutang, pelaburan yang dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia dijual.

Aset kewangan yang diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan dinyatakan pada penyata polisi individu mengikut setiap perkara berkaitan.

##### (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset kewangan diklasifikasi sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika ianya dipegang untuk dagangan atau ditentukan sedemikian selepas pengiktirafan awal. Aset kewangan yang dipegang untuk dagangan adalah derivatif termasuk derivatif terbenam berasingan atau aset kewangan diperolehi untuk tujuan jualan pada masa terdekat.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi boleh dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa. Aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa manakala aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa berdasarkan tarikh penyelesaian.

##### (ii) Pinjaman dan penghutang

Aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disenaraikan dalam pasaran aktif diklasifikasikan sebagai pinjaman dan penghutang.

Selepas pengiktirafan awal, pembiayaan dan penghutang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam untung atau rugi bila pembiayaan dan penghutang dinyah-iktiraf atau dijejaskan dan melalui proses pelunasan.

Pembiayaan dan penghutang diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tarikh matang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh ia dilaporkan diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

## (iii) Pelaburan dipegang sehingga matang

Aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang sehingga matang bila Majlis mempunyai hasrat dan keupayaan positif untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam untung rugi bila pelaburan dipegang hingga matang dinyah-iktiraf atau dijejaskan dan melalui proses pelunasan.

Pelaburan dipegang hingga matang diklasifikasi sebagai aset bukan semasa, kecuali pelaburan yang mempunyai kematangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasi sebagai semasa.

## Rosotnilai Aset Kewangan

Majlis menilai pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan dirosotnilai.

## (i) Aset kewangan dibawa pada kos pelunasan

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosotnilai atas aset kewangan telah ditanggung, Majlis mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa hadapan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosotnilai tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai bawaan aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira menerusi akaun peruntukan tersebut.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosotnilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas rosotnilai diiktiraf, kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

## (ii) Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah luput. Apabila suatu aset kewangan dinyahiktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara nilai bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

Jualan atau belian cara biasa adalah jualan atau belian aset kewangan yang memerlukan penyediaan aset dalam tempoh yang secara amnya diwujudkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkenaan. Semua jualan dan belian cara biasa aset kewangan diiktiraf atau dinyahiktiraf pada tarikh dagangan tersebut iaitu, tarikh di mana Majlis memberi komitmen untuk menjual atau membeli aset tersebut.

## (b) Peruntukan dan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

## (i) Liabiliti luar jangka

Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

## (ii) Aset Luar Jangka

Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

## (c) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan di dalam skop MPSAS 29, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila, Majlis menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai sama ada liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi atau liabiliti kewangan lain.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan yang terlibat secara langsung.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

Liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan dan liabiliti kewangan ditentukan selepas pengiktirafan awal pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

Liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk derivatif-derivatif yang dimasuki oleh Majlis yang tidak memenuhi ciri-ciri perakaunan lindung nilai. Liabiliti derivatif diukur pada awalnya pada nilai saksama dan seterusnya dinyatakan pada nilai saksama, dengan sebarang untung atau rugi yang terhasil dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif-derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Liabiliti kewangan Majlis adalah seperti berikut:

(i) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar pada masa depan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima dan kerja yang dilaksanakan.

(ii) Pinjaman

Pinjaman bank berfaedah dicatatkan pada nilai muka jumlah pinjaman.

Kos peminjaman yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan pada tahun semasa.

Pinjaman dan pembiayaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos-kos urusaniaga dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti semasa melainkan Majlis mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

### 3.2 Hartanah, Loji Dan Peralatan

Semua item hartanah, loji dan kelengkapan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan hanya diiktiraf sebagai aset jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Majlis dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Kos adalah termasuk kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi mengikut spesifikasi yang dikehendaki oleh Majlis. Kos penggantian mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai bawaan bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf.

Sekiranya terdapat keperluan untuk menilai semula aset sepertimana dibenarkan di bawah peruntukan MPSAS 17–Hartanah, Loji dan Peralatan, aset-aset tersebut akan dinyatakan pada penilaian ditolak susutnilai terkumpul.

Sekiranya aset diperolehi melalui urusaniaga bukan pertukaran, maka kos aset akan diukur melalui nilai saksama pada tarikh perolehan aset.

Nilai buku bersih hartanah, loji dan peralatan akan dipertimbangkan bagi rosotnilai apabila terdapat peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawaan tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula.

Sesuatu item hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambil kira di dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

Majlis mempunyai kategori hartanah, loji dan peralatan seperti berikut:

(a) Hartanah dan Bangunan

Mulai tahun kewangan 2004, tanah dan bangunan telah diklasifikasikan kepada 4 kategori, iaitu:

- (i) Tanah Milik Bebas
- (ii) Tanah Pegang Pajak
- (iii) Bangunan Kekal (Tanah Milik Bebas)
- (iv) Bangunan Kekal (Tanah Pajakan)

Nilai buku bersih item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai buku bersih aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Amaun bagi tanah dan bangunan milik Majlis dinyatakan pada amaun penilaian semula yang dibuat pada tahun 2014 dan pertambahan pada tahun-tahun berikutnya dinyatakan pada kos.

Susutnilai Hartanah dan Bangunan adalah seperti berikut:

Tanah milikbebas tidak disusutnilaikan.

Tanah pegang pajak disusutnilaikan sepanjang tempoh pajakan.

Bangunan disusutnilai mengikut kaedah garis lurus seperti kadar di bawah:

(i) Bangunan Kekal	50 tahun
(ii) Bangunan Separa Kekal	20 tahun

Penilaian semula tanah dan bangunan

Majlis menjalankan polisi penilaian semula terhadap tanah pegang pajak serta tanah dan bangunan milikbebas setiap 5 tahun. Penilaian semula tanah dan bangunan terkini adalah pada tahun 2014.

Pertambahan/(Pengurangan) atas penilaian semula harta akan dikredit/ (didebit) ke Akaun Rezab Penilaian Semula. Penambahan penilaian semula harta yang timbul atas pelupusan harta dikreditkan ke Kumpulan Wang Majlis.

Harta Tanah dan Bangunan disusutnilaikan atas amaun penilaian semula mengikut dasar yang ternyata di Para 3.2.

(b) Harta Tetap Lain

Harta tetap lain iaitu kenderaan, jentera dan mesin, alat kelengkapan pejabat, komputer, perabot dan lengkapan, lain-lain harta dan pengubahsuaian disusutnilai menggunakan kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap harta sepanjang hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai tahunan bagi harta tetap seperti yang di atas ialah:

(i) Kenderaan	20%
(ii) Jentera dan Mesin	20%
(iii) Alat Kelengkapan Pejabat	10 - 20%
(iv) Komputer	33 - 40%
(v) Perabot dan Lengkapan	10 - 20%
(vi) Lain-lain Harta	20 - 33%
(vii) Pengubahsuaian	10%

(c) Taman Dan Rekreasi Kemudahan Awam

Kos bagi Taman dan Rekreasi Kemudahan Awam yang dipermodalkan akan disusutnilai menggunakan kaedah garis lurus dan diperuntukkan untuk tempoh 50 tahun bagi memansuhkan kos sepanjang hayat kegunaannya.

## (d) Projek Khas

Kategori aset yang diwujudkan untuk projek Majlis yang merangkumi pelbagai kategori aset, di mana tidak boleh diasingkan bagi membolehkan operasi aset tersebut dapat berfungsi. Aset ini dipermodalkan dan disusutnilai dengan kaedah garis lurus dan diperuntukkan untuk tempoh 20 tahun bagi memansuhkan kos sepanjang hayat kegunaannya.

## (e) Aset Infrastruktur

Sesetengah aset biasanya dinyatakan sebagai aset infrastruktur. Meskipun tidak ada takrif menyeluruh yang diterima untuk aset infrastruktur, namun aset ini biasanya memaparkan beberapa atau semua ciri berikut:

- (a) Sebahagian daripada sistem atau rangkaian;
- (b) Bersifat khusus dan tidak mempunyai kegunaan alternatif;
- (c) Harta tak alih; dan
- (d) Mungkin tertakluk kepada kekangan pelupusan.

Walaupun pemilikan aset infrastruktur tidak terhad kepada entiti dalam sektor awam, namun aset infrastruktur yang signifikan sering terdapat dalam sektor awam. Aset infrastruktur yang memenuhi takrif hartanah, loji dan peralatan dilaporkan selaras dengan Piawaian ini.

Aset infrastruktur disusutnilai menggunakan kaedah garis lurus dan diperuntukkan untuk tempoh 10 tahun supaya memansuhkan kos setiap harta sepanjang hayat kegunaannya.

### 3.3 Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusan pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusan bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Pelaburan hartanah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila hartanah tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperolehi daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatan penggunaan atau pelupusan pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatan penggunaan atau pelupusan.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada pelaburan hartanah hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada pelaburan hartanah kepada hartanah didiami-milik, kos yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan.

### 3.4 Pelaburan

Pelaburan tersiarharga dan saham amanah dinyatakan pada kos dan dipegang secara jangka panjang.

Peruntukan yang sesuai akan dibuat untuk apa-apa kemungkinan kemerosotan nilai pelaburan berkenaan yang dianggap kekal dan tetap.

### 3.5 Bayaran Kemajuan

Bayaran Kemajuan dikategorikan kepada 3 iaitu:

- (i) Tanah Dalam Proses Pengambilan
- (ii) Harta Dalam Pembangunan
- (iii) Cagaran Perolehan Harta

Harta dalam kategori di atas akan dinyatakan atas kos dan akan dipermodalkan sebagai harta apabila telah siap untuk digunakan, atau telah mendapat hakmilik, atau telah mendapat sijil kelayakan menduduki atau telah digunakan.

### 3.6 Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai terdiri daripada wang dalam tangan, wang di bank dan kesetaraan tunai meliputi Simpanan Tetap yang tempoh matangnya tidak melebihi satu tahun dan boleh ditukar kepada tunai dalam tempoh yang terdekat.

### 3.7 Akaun Belum Terima

#### (a) Hutang Lapuk

Hutang Lapuk yang dapat dikenalpasti akan dihapuskira. Walau bagaimanapun, Peruntukan Hutang Ragu akan dibuat terlebih dahulu dan hanya dihapuskira setelah semua tindakan yang difikirkan berpatutan telah dibuat.

#### (b) Elaun Hutang Ragu

Elaun Hutang Ragu diwujudkan bagi memberi satu anggaran akan hutang atau tunggakan hasil yang berkemungkinan besar tidak dapat dikutip dan akan menjadi lapuk.

Elaun hutang ragu adalah seperti berikut:

Perihal	Asas Umuran
Cukai taksiran harta	Atas tunggakan yang tempohnya 6 tahun dan ke atas
Sewaan Gerai/Pasar/Kiosk	
Sewaan Bangunan Kedai/Pejabat	
Sewaan Pajakan	
Sewaan Peralatan	

### 3.8 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

#### (i) Rosotnilai atas aset penjanaan tunai

Majlis menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin dirosotnilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian rosotnilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Majlis membuat anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada aset tersebut.

Amaun boleh pulih daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilainya boleh diguna. Bagi tujuan penilaian rosotnilai, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk mana terdapat aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjanaan tunai).



Dalam menaksir nilai guna, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika nilai bawa sesuatu aset melebihi amaun boleh pulih, aset tersebut dikurangkan kepada amaun boleh pulih. Kerugian penjejasan berhubung unit penjanaan tunai atau kumpulan unit penjanaan tunai diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan nilai bawaan bagi sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan nilai bawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan pro-rata.

Kerugian penjejasan diiktiraf dalam untung atau rugi

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian penjejasan diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian atas rosotnilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosotnilai kali terakhir. Sekiranya demikian, nilai bawaan aset tersebut ditingkatkan kepada amaun boleh pulih. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi nilai bawaan yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susutnilai, tidak mempunyai kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikkan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai atas muhibah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

(ii) Rosotnilai atas aset penjanaan bukan tunai

Majlis menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin dirosotnilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian rosotnilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Majlis membuat anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada aset tersebut.

Dalam menaksir nilai guna, Majlis menggunakan pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau luput.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata untung rugi serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai bawaan aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai bawaan yang telah ditentukan setelah ditolak susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan ini akan diiktiraf dalam untung atau rugi.

### 3.9 Pengiktirafan Pendapatan

#### (a) Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan geran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

##### (i) Cukai taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Kewangan semasa bil cukai dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

##### (ii) Sumbangan membantu kadar

Sumbangan membantu kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan ini diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

##### (iii) Lesen, bayaran pendaftaran dan permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, iklan dan lain-lain.

##### (iv) Denda dan hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

##### (v) Geran dan pemberian Kerajaan Persekutuan

Majlis mengiktiraf hasil pada nilai saksama apabila peristiwa berlaku dan syarat pengiktirafan dipenuhi. Sekiranya, geran dan pemberian ini masih belum digunakan untuk peristiwa dan transaksi yang sepatutnya ia akan dikelaskan sebagai pendapatan tertunda.

#### (b) Hasil daripada urusniaga pertukaran

##### (i) Perkhidmatan

Perkhidmatan melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, penyelenggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain.

## (ii) Perolehan daripada jualan

Perolehan daripada jualan barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan aset dan lain-lain.

## (iii) Sewaan

Hasil sewaan dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan yang telah ditandatangani oleh penyewa.

## (iv) Faedah dan perolehan daripada jualan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar peredaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

## 3.10 Percukaian

Majlis telah dikecualikan dari membayar Cukai Pendapatan mengikut Seksyen 127, Jadual Enam: Akta Cukai Pendapatan 1967.

## 3.11 Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

## (i) Cukai output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran dan lesen contohnya seperti sewa gerai, sewa dewan dan jualan hartanah (perniagaan) adalah tertakluk kepada GST dengan kadar 6%.

## (ii) Cukai input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

## 3.12 Kos Pinjaman

Kos pinjaman dipermodal sebagai sebahagian daripada kos bagi suatu aset kelayakan jika mereka berkaitan secara langsung kepada pemerolehan, pembinaan atau penyediaan aset tersebut.

Permodalan kos pinjaman bermula apabila aktiviti-aktiviti untuk menyediakan aset tersebut bagi kegunaan dirancang atau dijual adalah sedang dalam pelaksanaan dan perbelanjaan dan kos pinjaman yang telah ditanggung. Kos pinjaman adalah dipermodal sehingga sebahagian besar aset tersebut telah disiapkan bagi kegunaan yang dirancang atau dijual.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ianya ditanggung. Kos pinjaman terdiri daripada kos faedah dan kos lain yang Majlis menanggung berhubung dengan pinjaman dana berkenaan.

## 3.13 Pajakan

## Pajakan kewangan

